



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



TEKS UCAPAN PERASMIAN OLEH

YANG BERBAHAGIA

PUAN SHARIFAH ZAKIAH SYED SAHAB

PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PULAU

PINANG

BAGI

MAJLIS PERASMIAN

HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2022

PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

KAMPUS UITM BERTAM PERDANA

Tarikh : 16 November 2022 (RABU)

Masa : 8.30 PAGI

SALUTASI

Yang Berusaha Prof. Madya Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Razali
Rektor
UiTM Cawangan Pulau Pinang

Yang Berusaha Encik Amir Heberd Abdullah
Penolong Rektor
UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam

Yang Berusaha Tuan Haji Rahmat Abu Nong
Pengarah
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Leftenan Komander Fadhil Samsuddin
Resident Naval Officer
Tentera Laut Diraja Malaysia, Pulau Pinang

Yang Berusaha Barisan Pengurusan, Ketua-Ketua Jabatan, wakil-wakil
agensi, NGO dan rakan strategik

Barisan Jawatankuasa Penganjur HASN Pulau Pinang

Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang di sini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Alam Sekitar Negara kepada semua yang hadir di Dewan ini. Sesungguhnya, kita amat bersyukur kerana sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Pulau Pinang pada kali ini dapat diadakan secara bersemuka setelah dua (2) tahun ia disambut secara maya kerana pandemik Covid-19 yang melanda negara.

2. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang dan Universiti Teknologi Mara (UITM) Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam selaku penganjur bersama majlis ini. Penganjuran majlis ini dilaksanakan secara bersama antara JAS dan UITM kerana ia menggandingkan segmen alam sekitar dan pendidikan. Tinggillah harapan saya, agar majlis ini mampu memberikan impak positif yang besar dan berpanjangan kepada alam sekitar dan generasi akan datang.

Para hadirian yang dihormati sekalian,

3. Hari Alam Sekitar Negara (HASN) merupakan acara tahunan yang telah disambut semenjak tahun 1989 dan pada ketika itu ia dikenali sebagai Minggu Alam Sekitar Negara serta disambut pada tanggal 21 hingga 27 haribulan Oktober. Seiring dengan peredaran zaman dan perkembangan semasa, Minggu Alam Sekitar Negara telah dijenamakan semula pada tahun 2016 dan kini ia dikenali sebagai Hari Alam Sekitar Negara (HASN) yang disambut pada setiap 21 haribulan Oktober.

4. Penetapan satu hari yang khusus bagi sambutan di seluruh negara melambangkan semangat kebersamaan dalam mengharungi cabaran pengurusan alam sekitar yang semakin rumit. Selain itu, ia penting agar kewujudan hari “perayaan alam sekitar” ini dapat dirasai dan diingati oleh setiap rakyat Malaysia sebagaimana sambutan hari-hari peristiwa yang lain seperti Hari Malaysia, Hari Sukan Negara dan banyak lagi. Sambutan Hari Alam Sekitar Negara di peringkat kebangsaan pada tahun ini telah diadakan di Kuantan, Pahang dan dirasmikan oleh **Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja DiPertuan Agong**.

5. Sepanjang tahun ini, pelbagai aktiviti kesedaran alam sekitar telah dilaksanakan bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak universiti, pihak industri dan orang awam serta melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dan usia. Syabas saya ucapkan kerana kerjasama seperti ini sememangnya menepati tema Hari Alam Sekitar Negara (HASN) pada tahun ini iaitu **‘Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama’**.

Para hadirian yang dihormati sekalian,

6. Sambutan Hari Alam Sekitar Negara menyasarkan pelbagai lapisan masyarakat seperti kanak-kanak tadika, sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT), badan-badan bukan kerajaan (NGO), komuniti setempat, agensi kerajaan dan swasta, industri dan orang awam.

7. Bersempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar ini, pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan pelbagai program dalam sambutan kali ini. Antaranya ialah aktiviti **Plogging**, **Program Pengumpulan e-Waste**, **Pameran Alam Sekitar**, **Pertandingan video** dan **Forum Alam Sekitar**. Semua aktiviti yang dijalankan bertujuan untuk meningkatkan nilai tanggungjawab serta membantu dalam menjaga alam sekitar kita.

8. Tugas melestarikan alam sekitar adalah tugas yang mulia. Ia adalah satu tanggungjawab yang cukup besar. Marilah kita sama-sama berganding bahu dan berkerjasama untuk bersama-sama memakmurkan bumi Allah ini dengan sebaiknya. Setiap anggota masyarakat boleh bertindak sebagai Sukarelawan Alam Sekitar dengan menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dalam membantu menyalurkan maklumat dan aduan kepada pihak berkuasa mengenai aktiviti-aktiviti yang merosakkan alam sekitar. Dengan adanya institusi kerajaan yang mantap serta sokongan dari semua lapisan masyarakat dan warga prihatin, pastinya pelbagai isu berkaitan alam sekitar dapat ditangani dengan lebih baik dan berkesan hendaknya.

9. Oleh yang demikian, bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Negara ini, saya menyeru agar kita semua memperbanyakkan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan gaya hidup yang lestari contohnya dengan melakukan kitar semula, menjimatkan penggunaan tenaga dan air serta memilih barangan yang lebih mesra alam.

Para hadirian yang dihormati sekalian,

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada JAS dan UiTM yang telah bekerja keras memastikan aktiviti sambutan berjalan dengan lancar dan mencapai objektifnya. Terima kasih juga kepada semua agensi kerajaan, pihak swasta, Institusi Pendidikan Tinggi dan lain-lain pihak yang terlibat. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan strategik yang turut sama menjayakan sambutan HASN Peringkat Negeri Pulau Pinang.

11. Maka dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2022 Peringkat Negeri Pulau Pinang

“SELAMAT MENYAMBUT HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2022”

”ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB BERSAMA ”

Sekian, Terima kasih.